# Kertas Bil. 16/2016

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2 – 6 NOVEMBER DAN 11 – 13 NOVEMBER 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT**

**KERTAS BILANGAN 87/2015**

---

LAMPIRAN II

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| 87 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MBI DAN ANAK-ANAK SYARIKAT** | **5.1 Struktur Pembayaran Dividen untuk Kebajikan Rakyat** | | | |
| | | 5.1.1 Salah satu tujuan penubuhan DEIG ialah supaya MBI boleh memfokuskan peranannya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri manakala DEIG menumpukan fokus kepada objektif komersial. | | | Pihak pengurusan MBI sedang menjalankan proses rasionalisasi anak-anak syarikatnya bagi memastikan aset-aset Kerajaan Negeri tidak lagi berada di dalam keadaan yang tidak terurus, *fragmented* dan *disarray.* Pihak pengurusan MBI masih menjalankan kerja-kerja penelitian dalam usaha menggabungkan kesemua anak syarikatnya di bawah setiap kluster yang khusus supaya duplikasi aktiviti ekonomi di antara anak syarikat tidak lagi wujud, '*economies of scale*' dapat dicipta, penciptaan nilai yang kukuh dan mampan – *Sustainable Value Creation* dan '*corporate efficiency and responsibility*' dapat ditingkatkan. |
| | | 5.1.2 Walaupun tujuan mengasingkan objektif sosial dan komersial adalah baik tetapi dengan struktur ini timbul situasi di mana MBI melakukan perbelanjaan luar bajet dengan dividen anak-anak syarikat yang diterima oleh MBI dibelanjakan dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR – *corporate social responsibility*) tanpa keperluan kelulusan Dewan Negeri. Ini akan mengakibatkan perbelanjaan luar bajet yang mungkin tidak akan dibelanjakan mengikut polisi dan hala tuju Kerajaan Negeri seperti yang diluluskan oleh Dewan. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. Semua penerimaan dan perbelanjaan kewangan MBI akan diaudit. |
| | | 5.1.3 Oleh itu, Jawatankuasa mencadangkan untuk menggunakan struktur yang lebih telus supaya MBI menumpukan fokus semula kepada objektif menjana keuntungan dan seterusnya | | | |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | membayar dividen terus kepada Kerajaan Negeri berdasarkan keuntungan yang diterima daripada anak-anak syarikat MBI tanpa kewujudan DEIG. Dividen MBI boleh dijadikan salah satu sumber pendapatan Kerajaan Negeri dalam bajet dan perbelanjaan bajet akan dibentangkan dan diluluskan di Dewan Negeri seperti amalan biasa. | | | |
| | | 5.1.4 Jika Kerajaan Negeri berpendapat bahawa kewujudan DEIG adalah diperlukan, maka cadangan-cadangan di bawah perlu dipertimbangkan dengan lebih serius lagi. (Cadangan-cadangan di bawah boleh diaplikasikan dalam konteks MBI ataupun DEIG.) | | | |
| | | 5.1.5 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993, kadar pembayaran dividen yang dikenakan terhadap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ialah 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan Negeri. Jawatankuasa berpendapat bahawa anak-anak syarikat MBI patut mematuhi dengan sepenuhnya pekeliling ini. Kerajaan Negeri juga hendaklah mengkaji sama ada perlu meningkatkan lagi kadar pembayaran dividen kepada lebih daripada 10%. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | 5.1.6 Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan satu garis panduan berhubung perbelanjaan CSR ataupun tajaan yang dibuat oleh anak-anak syarikat. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **5.2 Lembaga Pengarah yang Bebas dan Berkeupayaan** | | | |
| | | 5.2.1 Komposisi Lembaga Pengarah anak-anak syarikat hendaklah mampu membuat keputusan secara objektif dan berdikari. Semua ahli lembaga, termasuk mana-mana pegawai awam, seharusnya dicalonkan berdasarkan kelayakan dan memikul tanggungjawab perundangan yang seiras. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | 5.2.2 Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa yang khusus dalam Lembaga Pengarah seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankausa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pencalonan hendaklah mandatori dan dipengerusikan oleh pengarah bukan eksekutif yang bebas. Penubuhan Jawatankuasa lain yang boleh dipertimbangkan termasuk: Jawatankuasa Ganjaran dan Penggajian, Jawatankuasa Perolehan dan lain-lain. | | | |
| | | 5.2.3 Satu proses pencalonan ahli lembaga pengarah yang jelas, saksama dan telus serta diumumkan kepada orang awam hendaklah diwujudkan. Proses pencalonan hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pencalonan di Lembaga Pengarah. | | | |
| | | 5.2.4 Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada lebih ramai ahli pengarah bukan eksekutif yang bebas. Ahli-ahli lembaga pengarah hendaklah bebas daripada apa-apa kepentingan | | | |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pengurusan ataupun pegangan dengan anak-anak syarikat yang ditadbir supaya tidak menjejaskan penilaian objektif budi bicara mereka. Satu huraian yang terperinci hendaklah menjelaskan proses penilaian kebebasan ahli lembaga pengarah anak-anak syarikat oleh ahli lembaga pengarah sendiri. | | | |
| | | 5.2.5 Prestasi lembaga pengarah anak-anak syarikat hendaklah dinilai oleh pihak ketiga setiap tahun. Laporan penilaian tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Dewan Negeri dan diumumkan kepada orang awam. Keputusan penilaian lembaga pengarah hendaklah diambil kira sebagai maklum balas oleh Jawatankuasa Pencalonan untuk pelantikan seterusnya. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | | | | |
| | | 5.3.1 Anak-anak syarikat hendaklah mematuhi piawaian transparensi yang tertinggi dan terakluk kepada prinsip perakaunan dan pengauditan yang sama dengan piawaian yang diguna pakai oleh syarikat tersenarai di bursa saham. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | 5.3.2 Anak-anak syarikat hendaklah menubuhkan prosedur-prosedur audit dalaman yang cekap dan mewujudkan satu fungsi audit dalaman yang melaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit di Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh pengarah bukan eksekutif yang bebas. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.3.3 Pakej pampasan, bonus dana apa-apa ganjaran eksekutif tertinggi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah di MBI dan anak-anak syarikat hendaklah diisytiharkan. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | 5.3.4 Apabila anak-anak syarikat terlibat dalam perolehan awam sama ada sebagai pembida ataupun pemeroleh, prosedur yang digunapakai hendaklah telus dan tidak diskriminasi terhadap mana-mana pihak dan dilindungi oleh piawaian transparensi yang sesuai. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |
| | | 5.3.5 Anak-anak syarikat hendaklah mendedahkan maklumat kewangan dan bukan kewangan mereka selaras dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta piawaian penzahiran korporat yang melibatkan kepentingan pihak Kerajaan Negeri dan orang awam. Berdasarkan kepada saiz dan keupayaan syarikat, contoh maklumat-maklumat yang hendaklah didedahkan adalah seperti berikut:<br><br>a. Penerangan jelas mengenai objektif syarikat dan pencapaian mereka kepada orang awam.<br><br>b. Maklumat kewangan syarikat dan hasil kendalian, termasuk kos dan aturan pembiayaan berkaitan dengan objektif dasar awam.<br><br>c. Pentadbiran, pemilikan dan struktur pengundian syarikat, termasuk kandungan mana-mana kod tadbir urus korporat | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Setuju | Tidak Setuju | Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | ataupun dasar dan proses pelaksanaannya.<br><br>d. Maklumat berkaitan dasar-dasar ganjaran ahli lembaga pengarah syarikat secara berperingkat serta syarat-syarat kelayakan anggota lembaga pengarah syarikat, proses pemilihan serta peranan yang dimainkan di lembaga pengarah syarikat lain.<br><br>e. Sebarang maklumat berkaitan faktor risiko yang diunjurkan dan tindakan yang akan diambil bagi menguruskan risiko sedemikian.<br><br>f. Apa-apa bantuan kewangan termasuk jaminan dan komitmen yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada anak-anak syarikat termasuk penglibatan secara kontrak dan liabiliti luar jangka. | | | |
| | | **6. Penutup** | | | |
| | | Untuk menginstitusikan ketelusan, Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji keperluan meminda Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar Selangor 1994 supaya merangkumi cadangan-cadangan di atas bersama dengan dua saranan Jawatankuasa dalam Penyata JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Darul Ehsan Investment Group ("DEIG") iaitu mewajibkan MBI membentangkan laporan kewangan kepada Dewan Negeri dan memberi kuasa kepada Jabatan Audit Negeri untuk mengaudit MBI. | | | Semua urus tadbir korporat akan dilaksanakan mengikut pandangan professional. |



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
S.P.M.S., SM.S.,
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR